

U 8827 DEB  
MAHATHIR - GAJI RRR

BANGI, 16 JULAI (BERNAMA) -- SOAL TUNTUTAN PELARASAN GAJI KAKITANGAN PERKHIDMATAN AWAM BERGANTUNG KEPADA KEDUDUKAN KEWANGAN NEGARA, KATA PERDANA MENTERI DATUK SERI DR MAHATHIR MOHAMAD HARI INI.

+KITA TENGOKLAH DAHULU. IA BERGANTUNG KEPADA KEDUDUKAN KEWANGAN NEGARA,+ KATA PERDANA MENTERI KETIKA DITEMUI OLEH PEMBERITA SELEPAS MERASMIKAN KILANG PEMROSESAN MAKANAN DEWANA FOOD INDUSTRIES SDN BHD DI SINI.

KETIKA DITANYA SAMA ADA PEKERJA SEKTOR AWAM BOLEH MENGHARAPKAN SESUATU SEMASA PENGUMUMAN BELANJAWAN NEGARA YANG AKAN DATANG, BELIAU BERKATA, INI TERSERAHLAH KEPADA MENTERI KEWANGAN DATUK PADUKA DAIM ZAINUDDIN.

PRESIDEN CUEPACS, ENCIK A. RAGUNATHAN, BARU-BARU INI MENYATAKAN BAHAWA BELIAU YAKIN ISU PELARASAN GAJI DAPAT DISELESAIKAN MENJELANG OKTOBER INI APABILA BELANJAWAN NEGARA DIBENTANGKAN. -- LAGI.  
1755MST 16 07 88

0916

U 8829 DEB  
MAHATHIR - GAJI 2 BANGI RRR

MENGENAI NAMA UMNO, DATUK SERI DR MAHATHIR YANG JUGA PRESIDEN UMNO, BERKATA, DALAM PENDAFTARAN MEMANGLAH NAMANYA UMNO BARU TETAPI KINI IA HANYA DIPANGGIL UMNO KERANA ANGGOTA-ANGGOTANYA TERDIRI DARIPADA ORANG YANG SAMA (YANG MENGANGGOTAI UMNO-SEBELUM IA DIISYTIHAR TIDAK SAH).

KETIKA DITANYA MENGENAI PILIHAN RAYA KECIL PARLIMEN JOHOR BARU, BELIAU SEKADAR BERKATA IA DIADAKAN KERANA ORANG YANG MEWAKILI KAWASAN ITU TELAH MELEPASKAN JAWATANNYA.

DATUK SERI DR MAHATHIR BAGAIMANAPUN ENGGAN MENGULAS APABILA DITANYA MENGENAI TUNTUTAN MAJLIS PEGUAM SUPAYA PEMANGKU KETUA HAKIM NEGARA TAN SRI ABDUL HAMID OMAR MELETAKKAN JAWATAN ATAU DIPECAT DARIPADA JAWATANNYA. -- BERNAMA.  
1756MST 16 07 88